

Bina semangat waja

Oleh HATA WAHARI
(WARTAWAN UTUSAN)

GEMILANG mengikut *Kamus Dewan* ialah kecemerlangan dan kekuatan. Maka apabila Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mencadangkan tema baru Hari Kemerdekaan ke-50 'Malaysiaku Gemilang' ia adalah pilihan yang tepat bagi menggantikan tema 'Keragaman Malaysia' yang telah digunakan sejak tujuh tahun lalu.

Tema 'Keragaman Malaysia' dipilih pada masa itu kerana negara berhadapan dengan masalah ekonomi akibat serangan penyangak-penyangak mata wang terhadap ekonomi negara-negara Asia.

Ternyata 'Keragaman Malaysia' yang dilaungkan selama tujuh tahun sebagai tema Hari Kemerdekaan ke-50 telah berjaya memupuk semangat rakyat negara ini yang cintakan Malaysia untuk bersama-sama berusaha membangunkan semula ekonomi negara.

Kini Malaysia telah terkeluar daripada masalah ekonomi malahan berjaya membangunkan semula pelbagai industri yang terjejas teruk.

Usahawan telah berjaya mengharungi pelbagai dugaan menguruskan perniagaan dan syarikat-syarikat korporat negara ini telah mula mencapai keuntungan berbilion-bilion ringgit dan kini mengorak langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai pelabur utama di dunia.

Tema 'Malaysiaku Gemilang' memperlihatkan usaha kerajaan untuk membawa Malaysia ke fasa baru pembangunan dan keharmonian.

Fasa baru ini juga melibatkan kegemilangan dalam pendidikan, sosial dan dalam memperjuangkan isu antarabangsa.

Malaysia dari negara dunia ketiga kini telah menjadi negara membangun paling maju dengan pembangunan yang memberangsangkan dari segi infrastruktur, sistem pendidikan, perindustrian di samping pembangunan dalam sektor pertanian yang masih merupakan penyumbang utama kepada pembangunan negara.

Malaysia merupakan negara contoh bukan sahaja di kalangan negara-negara membangun tetapi juga menjadi suara penting di dalam Komanwel, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Persidangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Dialog Selatan-Selatan, ASEAN dan pelbagai lagi persidangan.

Malahan negara ini merupakan pe-

nantang terkuat dalam dasar-dasar unilateral, kezaliman terhadap penduduk Palestin, penentangan terhadap polisi-polisi negara-negara Barat yang menindas negara-negara Islam.

Malaysia juga terkenal dengan Litar FI, Menara Berkembar Petronas, negara pertama Asia Tenggara yang akan menghantar angkasawan ke angkasa lepas, membina dan mengeluarkan kereta nasional Proton, membina sektor baru kekayaan dalam bioindustri.

Kejayaan ini merupakan pencapaian yang gemilang bagi sebuah negara kecil yang hanya mempunyai 26 juta orang penduduk.

Baru 50 tahun merdeka dan Malaysia telah berada di mata dunia berbanding beberapa negara lain yang telah pun mencapai usia merdeka yang sama tetapi masih berada di takuk lama.

Seperti apa yang dikatakan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Rais Yatim bahawa tema 'Malaysiaku Gemilang' merumuskan mengenai kemajuan dan pembangunan yang dicapai oleh negara ini.

Paradigma

Namun bagi Presiden Yayasan Kajian dan Strategik Melayu, Datuk Dr. Mohd. Radzi Abdul Latif, pemilihan tema 'Malaysiaku Gemilang' merupakan anjakan paradigma untuk rakyat negara ini menjadi manusia gemilang dalam pelbagai bidang.

"Kita boleh berbangga dengan pelbagai kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam tempoh 50 tahun, Malaysia terkenal di seluruh dunia dengan pelbagai infrastruktur mega yang dibina oleh kerajaan.

"Tetapi adakah itu mencukupi, adakah ia akan kekal selama-selamanya dan kalau kita perhatikan, satu persatu kebanggaan rakyat Malaysia telah dapat ditandingi oleh negara-negara lain," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Katanya, Menara Berkembar Petronas telah berjaya diatasi oleh Menara Taipai 101, malahan tidak lama lagi menara tertinggi di dunia akan dimiliki oleh Amerika Syarikat apabila siapnya menara yang menggantikan Pusat Dagingan Dunia (WTC) New York yang musnah akibat serangan penganas.

Mohd. Radzi memberitahu, bagi beliau tema 'Malaysiaku Gemilang' merupakan pernyataan dan harapan rakyat negara ini untuk mengekalkan mo-

Ternyata 'Keragaman Malaysia' yang digunakan selama tujuh tahun sebagai tema Hari Kemerdekaan telah berjaya memupuk semangat rakyat negara ini yang cintakan Malaysia untuk bersama-sama berusaha membangunkan semula ekonomi negara



MENGHORMATI bendera kebangsaan, Jalur Gemilang perlu dipupuk seawal usia kanak-kanak.

- Gambar hiasan

mentum pembangunan negara untuk tempoh 50 tahun akan datang.

Katanya, ia mengingatkan kita bahawa Malaysia telah mencapai pelbagai kemajuan dan pembangunan. Oleh itu menjadi tanggungjawab rakyat negara ini untuk meningkatkan lagi kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai.

Ujar beliau, seperti tema 'Keragaman Malaysia' telah berjaya membina semangat 'Malaysia Boleh' sehingga menyaksikan rakyat negara ini berjaya mengharungi pelbagai rintangan dalam memastikan negara ini tidak terjajah semula apabila serangan ekonomi yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab bermula 1997.

Kini giliran tema 'Malaysiaku Gemilang' untuk membina semangat waja di kalangan rakyat Malaysia agar bersa-

ma-sama membangunkan negara menjadi sebuah negara gemilang dalam tempoh 50 tahun lagi.

"Kita bukan sahaja hendak melihat Malaysia di mata dunia, tetapi kita ingin melihat Malaysia sebagai negara yang mampu mencorakkan dunia pada masa depan serta mampu memberikan impak besar kepada isu-isu antarabangsa.

"Kita ingin melihat Malaysia yang mampu menghalang peperangan, penindasan terhadap negara-negara miskin, membawa keseimbangan pada kuasa dunia," katanya.

Mohd. Radzi memberitahu, sekiranya rakyat Malaysia tidak dapat membawa Malaysia ke arah kegemilangan, segala pencapaian yang dicapai dalam tempoh 50 tahun ini hanya akan menjadi lipatan sejarah.